

03 MAY 1998

LADA-IT

LADA GUNA TEKNOLOGI MAKLUMAT TARIK PELANCONG KE LANGKAWI

LANGKAWI, 3 Mei (Bernama) -- Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) akan menerajui usaha menarik lebih ramai pelancong ke pulau peranginan ini melalui penggunaan teknologi maklumat, termasuk mengeluarkan klip video dan CD-ROM mengenai Langkawi.

Pengurus Besarnya Datuk Abdul Halil Mutalib berkata maklumat yang disalurkan itu merangkumi pelbagai aspek bagi menyalurkan maklumat terkini tentang Langkawi untuk faedah pelancong tempatan dan asing.

Bercakap kepada pemberita selepas berdialog dengan pengusaha hotel dan agen pelancongan di sini, LADA terpaksa mendahului usaha menarik lebih ramai pelancong walaupun penubuhannya adalah bagi menyediakan kemudahan infrastruktur berikutan tidak wujud kesepakatan di kalangan mereka yang terbabit dalam industri pelancongan di pulau ini.

Abdul Halil berkata walaupun ada Persatuan Pelancongan, pengusaha hotel, chalet, teksi dan penjaja, usaha promosi yang selaras masih tidak dapat dijalankan.

Beliau berkata perlu ada usaha bersepadu selain melihat kepada faedah jangka panjang apabila menjalankan perniagaan selain menggunakan pelbagai saluran media massa mengenai aktiviti yang dijalankan untuk menarik lebih ramai pelancong.

"Mereka patut sedar bahawa terdapat kekurangan antara 20 hingga 40 peratus kemasukan pelancong terutama pelancong tempatan dan usaha bersepadu perlu dijalankan untuk memulihkan kembali industri pelancongan yang memerlukan kerjasama semua pihak," katanya.

Sementara itu, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan rancangan LADA menganjurkan Karnival Udara Langkawi '98 yang dijadualkan pada 3 hingga 6 Dis ini.

Beliau berkata Dr Mahathir bersetuju dengan cadangan itu atas kesedaran lebih banyak aktiviti adalah perlu dengan tujuan menarik kemasukan pelancong.

Karnival itu dianjurkan bersama oleh Kelab Rekreasi Udara Langkawi dan Jabatan Penerbangan Awam bertujuan untuk memupuk minat generasi muda dalam aktiviti penerbangan.

Abdul Halil berharap karnival itu akan mendapat sokongan kelab-kelab penerbangan tempatan dan rantau ini.

-- BERNAMA

NH AKD